

SULIT



UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

**PEPERIKSAAN AKHIR
SEMESTER II
SESI 2013/2014**

NAMA KURSUS : PENYELIDIKAN TINDAKAN 1-
REKA BENTUK DAN
TEKNOLOGI PENDIDIKAN
RENDAH (KAEDAH DAN
PELAKSANAAN)

KOD KURSUS : BBR 31203

PROGRAM : 4 BBR

TARIKH PEPERIKSAAN : JUN 2014

MASA : 3 JAM

ARAHAN : JAWAB SEMUA SOALAN

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI **EMPAT (4)** MUKA SURAT

SULIT

- S1**
- (a) Kajian tindakan melibatkan pengumpulan dan penterjemahan data untuk memudahkan pemahaman seseorang tentang sesuatu fenomena atau permasalahan di tempat kerja. Jelaskan dengan ringkas perkara utama dalam prinsip pelaksanaan kajian tindakan.
(5 markah)
- (b) Mengikut Creswell (2008), terdapat dua jenis kajian tindakan iaitu kajian tindakan amalan dan kajian tindakan penyertaan. Berikan empat (4) ciri-ciri untuk setiap jenis kajian tersebut.
(8 markah)
- (c) Cikgu Ahmad adalah seorang guru Bahasa Inggeris di sebuah sekolah pedalaman. Beliau mendapati pelajar-pelajarnya tidak berminat dan tidak bermotivasi untuk belajar Bahasa Inggeris kerana menganggap mata pelajaran tersebut susah untuk dipelajari. Cikgu Ahmad bercadang untuk membuat kajian tindakan amalan terhadap pelajar-pelajarnya yang tidak bermotivasi untuk mempelajari Bahasa Inggeris. Bina pelan tindakan secara ringkas yang Cikgu Ahmad boleh lakukan dengan memberi cadangan yang sesuai mengikut empat (4) prosedur kajian tindakan seperti di dalam gelung kajian tindakan.
(12 markah)
- S2**
- (a) Nyatakan lima (5) ciri-ciri utama kajian tindakan mengikut Kemmis & McTaggart (1988).
(5 markah)
- (b) Dengan berpandukan gambarajah gelung spiral proses kajian tindakan yang dipelopori oleh Lewin (1946), huraikan setiap proses tersebut.
(10 markah)
- (c) Berdasarkan pengalaman mengajar dalam subjek anda sendiri, anda dikehendaki mengorganisasikan satu pelan penyelidikan tindakan menggunakan proses kajian tindakan Lewin (1946).
(10 markah)

- S3**
- (a) Pengumpulan data yang sahih amat penting semasa melaksanakan kajian tindakan bagi membolehkan tindakan yang tepat dijalankan. Nyatakan lima (5) instrumen yang boleh digunakan oleh guru untuk memungut data kajian.
(5 markah)
 - (b) Huraikan dua (2) kaedah pengumpulan data yang boleh digunakan semasa melaksanakan kajian tindakan bersama dengan contoh yang bersesuaian untuk setiap kaedah pengumpulan data.
(10 markah)
 - (c) Kesahan dan kebolehpercayaan instrumen amat penting bagi mempertahankan kejituan instrumen daripada terdedah kepada kecacatan. Huraikan secara ringkas bagaimana kita dapat memastikan soal-selidik yang dibina mempunyai kesahan dan kebolehpercayaan yang tinggi.
(10 markah)

- S4 (a) Cikgu Zainudin adalah seorang cikgu Bahasa Melayu di Tahun 4 Akasia, Sekolah Rendah Kebangsaan A. Beliau merancang untuk membuat satu tinjauan awal terhadap enam pelajar beliau yang mempunyai masalah memberi perhatian semasa beliau mengajar di dalam kelas.
- (i) Cadangkan kaedah yang paling sesuai digunakan oleh Cikgu Zainudin untuk melakukan tinjauan awal tersebut. (2 markah)
- (ii) Cadangkan langkah-langkah yang boleh dilakukan oleh Cikgu Zainudin untuk melaksanakan kaedah yang anda cadangkan di 5(a)(i). (8 markah)
- (b) Ujian pra dan pos adalah salah satu kaedah untuk menilai keberkesanan sesuatu alat bahan bantu mengajar (ABBM) yang dibangunkan oleh guru bagi membantu pelajar-pelajar yang lemah. Jadual S5 merupakan keputusan ujian pra dan pos Cikgu Fauzi terhadap 36 pelajar Tahun 4 Anggerik bagi subjek Matematik.

Jadual S5

Gred	Ujian Pra	Ujian Pos
A	25	30
B	10	6
C	1	-
D+E	-	-
Jumlah pelajar	36	36

Daripada Jadual S5:

- (i) Analisa keputusan ujian pra dan pos yang dilakukan Cikgu Fauzi. (3 markah)
- (ii) Berikan tiga kesimpulan yang sesuai terhadap keputusan kajian Cikgu Fauzi. (6 markah)
- (iii) Berikan dua refleksi yang boleh dilakukan oleh Cikgu Fauzi setelah mendapat keputusan ujian pra dan pos ini. (6 markah)

-SOALAN TAMAT-